

Dr. M: Bumiputera kini bertaraf dunia

Oleh AZIZ ISHAK

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat menyedari bahawa segala dasar yang digubal dan dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan UMNO khususnya dasar-dasar ekonomi telah mencapai kejayaan luar biasa sehingga melahirkan bumiputera bertaraf dunia.

Presiden UMNO itu menegaskan, kejayaan itu bukan dicapai secara kebetulan tetapi menerusi kerja keras dan keinsafan yang berasaskan kepada janji-janji UMNO untuk mengembalikan maruah bangsa, agama dan negara.

Beliau percaya kejayaan luar biasa ini menjadi bukti jelas terhadap kebangkitan bumiputera menjadi bangsa bertamadun tinggi, cekap dan berilmu yang sekaligus "mengubah pandangan orang lain terhadap kita."

Dalam ucapan dasarnya pada perasmian Perhimpunan Agung UMNO di sini pagi ini, Dr. Mahathir menarik perhatian terhadap kejayaan program 'pen-swastaan, yang telah memberi kejayaan terbesar dalam menyusun semula masyarakat termasuk melahirkan bumiputera yang bertaraf dunia.

Malah menurut Perdana Menteri, sudah ada ramai bumiputera yang bergelar *billionaire* dan *millionaire* di negara ini, hasil daripada program tersebut.

Katanya, banyak daripada perusahaan dan perniagaan besar dan yang terbesar di negara ini sekalipun, dimiliki dan diuruskan dengan jayanya oleh bumiputera.

Di samping itu, keupayaan mereka mengurus dengan baik berbagai utiliti yang dahulunya dimiliki oleh kerajaan sudah tidak dipersoalkan lagi.

■Lihat muka 2

Dr. M: Bumiputera kini bertaraf dunia

"Demikianlah kebolehan mereka (bumiputera) sehingga mereka dijemput untuk membina dan mengurus kemudahan infrastruktur oleh kerajaan negara-negara lain.

"Kemampuan bumiputera sekarang ini sudah mencapai tahap *World Class*," katanya.

Soal penswastaan adalah antara kandungan penting ucapan beliau yang antara lain bagi menyangkal pelbagai anggapan negatif terhadap program penswastaan khususnya sentimen yang dimainkan oleh parti-parti pembangkang.

Presiden UMNO menegaskan, penswastaan juga memberi peluang kepada kakitangan kerajaan yang majoritinya adalah bumiputera, memiliki saham dalam syarikat-syarikat utiliti yang diswastakan dan mendapat upahan serta bonus yang baik daripada kerajaan.

Selain itu, kontraktor kecil bumiputera yang cekap dan betul-betul terlibat dalam perniagaan juga mendapat peluang sub kontrak daripada syarikat-syarikat utiliti dan agensi-agensi kerajaan yang lain, yang telah diswastakan.

"Dahulu kita soal mengapakah

orang yang kaya hanya daripada kaum lain terutama daripada keturunan Cina? Kita berasa tidak senang hati. Kita berasa marah dengan keadaan tidak seimbang ini. Kita juga hendak melihat ada kaum bangsa kita yang kaya raya. Hari ini sudah ada di antara kaum kita yang kaya raya," katanya.

Malangnya, kata beliau, apabila hasrat tersebut dicapai ada di kalangan bumiputera sendiri yang iri hati kepada mereka yang berjaya.

Masyarakat gagal

"Janganlah kita mengertikan bumiputera itu sebagai diri kita sahaja. Janganlah kerana kita sendiri tidak dapat maka ini bermakna bumiputera tidak dapat, Dasar Ekonomi Baru (DEB) gagal, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) gagal dan penyusunan semula masyarakat gagal," ujarnya.

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa kerajaan tidak pernah menjanjikan bahawa semua bumiputera akan menjadi *millionaire* atau jutawan.

"Kita tidak menjanjikan setiap

orang daripada bumiputera akan berjaya. Yang kita janjikan kaum bumiputera umumnya akan diimbangi dari segi ekonomi dengan kaum bukan bumiputera," katanya lagi.

Melalui DEB pula kata Perdana Menteri, kerajaan telah berjaya mencapai lebih kurang 60 peratus daripada segi matlamat kuantiti penyertaan bumiputera dan melalui DPN, telah berjaya sedikit sebanyak dari segi pencapaian kualiti pengusaha bumiputera dalam bidang ekonomi.

Dr. Mahathir mengingatkan sebarang percubaan untuk membangkitkan perasaan marah terhadap dasar penswastaan oleh mereka yang telah mendapat banyak nikmat daripada proses ini, tidaklah sepatutnya dibuat.

"Tanyalah kepada diri sendiri apakah pembangunan Malaysia boleh menjadi begini pesat jika tidak kerana penswastaan dan agihan secara adil kepada kaum-kaum?"

"Hari ini jika kereta *Mercedes* dan *Rolls Royce* dibakar dalam rusuhan, kemungkinannya ia milik bumiputera," ujar beliau.